



MALAY *AB INITIO* – STANDARD LEVEL – PAPER 1
MALAIS *AB INITIO* – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 1
MALAYO *AB INITIO* – NIVEL MEDIO – PRUEBA 1

Thursday 8 May 2003 (afternoon)

Jeudi 8 mai 2003 (après-midi)

Jueves 8 de mayo de 2003 (tarde)

1 h 30 m

TEXT BOOKLET – INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- Do not open this booklet until instructed to do so.
- This booklet contains all of the texts required for Paper 1 (Text handling).
- Answer the questions in the Question and Answer Booklet provided.

LIVRET DE TEXTES – INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS






- Ne pas ouvrir ce livret avant d'y être autorisé.
- Ce livret contient tous les textes nécessaires à l'épreuve 1 (Lecture interactive).
- Répondre à toutes les questions dans le livret de questions et réponses.

CUADERNO DE TEXTOS – INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS

- No abra este cuaderno hasta que se lo autoricen.
- Este cuaderno contiene todos los textos requeridos para la Prueba 1 (Manejo y comprensión de textos).
- Conteste todas las preguntas en el cuaderno de preguntas y respuestas.


TEKS A

Azizah selalu bersenam pada waktu pagi bersama-sama dengan adiknya, Azman, untuk menjaga kesihatan. Mereka bersenam di kawasan rumah mereka.



TEKS B

**NIKMATILAH KEENAKAN MENJAMU SELERA SEISI KELUARGA
PADA HUJUNG MINGGU INI DI RESTORAN SERI MURNI**



Menu Utama

- Rendang, sate, ikan bakar, nasi lemak

Sambil Menjamu Selera, Nikmatilah...

- Persembahan tarian asli Budaya Murni secara langsung
- Pakar masakan kami, Chef Ismail yang berpengalaman selama 10 tahun dalam bidang masakan sedia melayani selera anda dengan sajian tradisional dan moden



**MENU ISTIMEWA MALAM SABTU DAN MALAM
AHAD**

Malam Sabtu

Bufet Masakan
Melayu dan Barat
serta
Persembahan tarian asli
Budaya Murni

RM30++ Dewasa
RM15++ Kanak-kanak bawah
12 tahun

Malam Ahad


Bufet Masakan
Tradisional dan Moden
serta
Persembahan tarian asli
Budaya Murni

RM40++ Dewasa
RM20++ Kanak-kanak bawah
12 tahun

Untuk tempahan dan keterangan lanjut, hubungilah...
Restoran Seri Murni, Jalan Cheras, 43 000 Kajang, Selangor
No. Telefon: 03-2240891

TEKS C

Pengalaman di Taman Negara



Catatan Hamdan

21 Ogos 2000

Pada jam 8.00 pagi, bas yang kami naiki tiba di jeti Kuala Tembeling. Sementara menunggu ketibaan bot, kami bersarapan di kedai makan yang terdapat di situ.


Apabila bot tiba, kami pun naik bot itu untuk pergi ke Kuala Tembeling. Sepanjang perjalanan, kami dapat melihat pelbagai jenis burung. Sekali-sekala bot melalui bahagian sungai yang airnya mengalir agak deras. Tiupan angin pula membuat kami hampir terlena.

Perjalanan dari Kuala Tembeling ke Kuala Tahan mengambil masa selama tiga jam. Sampai di Kuala Tahan, Cikgu Rais pergi ke kaunter pertanyaan rumah rehat untuk membuat pengesahan tempat penginapan kami.

Kami membawa barang-barang ke bilik untuk berehat sebentar. Setelah berehat, kami makan tengah hari di dewan makan.

Pada pukul 3.00 petang, kami menaiki bot ke Kem Nusa. Dari kem tersebut kami melalui hutan untuk mendaki Bukit Warisan. Perjalanan menuju ke puncak bukit itu amat mencabar. Kami terpaksa melalui celah-celah pokok, melangkah akar-akar pokok yang sangat besar, dan merentasi laluan berbatu yang licin. Namun, keletihan mendaki terubat apabila melihat pemandangan yang indah dari puncak bukit. Setelah berada di puncak selama lima belas minit, kami pun turun.

Pada sebelah malam, kami berehat kerana sangat penat.



TEKS D

KUALA TRENGGANU, Khamis – Sepuluh buah rumah di Kampung Cabang Tiga, Kuala Trengganu rosak sebagai akibat hujan lebat dan ribut. Kejadian tersebut berlaku pada pukul 4.00 petang semalam.

Dalam kejadian itu, banyak bumbung rumah di kampung itu diterbangkan oleh angin. Selain itu, banyak tiang elektrik dan pokok yang tumbang. Kejadian tersebut telah mengakibatkan bekalan elektrik ke kawasan itu terputus selama sepuluh jam.

Seorang penduduk kampung tersebut, Encik Badar Amin berkata bahawa kejadian itu berlaku terlalu cepat. Beliau hanya sempat mengawal isteri dan anak-anaknya keluar dari rumah. Barang-barang lain tidak dapat diselamatkan. Walau bagaimanapun, beliau gembira kerana semua anggota keluarganya terselamat.

Ketua kampung kawasan itu, Encik Salleh Ahmad memberitahu bahawa bantuan berupa wang, pakaian, makanan, serta tempat tinggal sementara telah diberikan kepada semua mangsa ribut. Selain itu, sebuah Tabung Khas telah dilancarkan untuk memungut derma daripada orang ramai. Derma tersebut akan digunakan untuk membantu membina dan membaiki rumah-rumah yang rosak.

